

## BAB 4

### PENGUNAAN LOGO ZAKAT MENURUT KERANGKA *MAQASID SYARIAH* DI MALAYSIA


#### 4.1 Pendahuluan

Konsep *Maqasid Syariah* adalah asas kepada segala perbuatan mukallaf dan menjadi penggerak pada perbuatan manusia dalam rangka merealisasikan kepentingan umum. *Maqasid Syariah* berperanan untuk memelihara segala nilai-nilai yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan demi mencapai kesejahteraan hidup di samping dapat menghindarkan kemudharatan yang akan berlaku. Justeru, penggunaan logo zakat yang diperkenalkan oleh institusi zakat seperti LZNK dan PPZ-MAIWP perlu dilihat dari sudut keselarasan dengan nilai-nilai *Maqasid Syariah* agar segala pendekatan bagi mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan selari dengan maslahat atau kebaikan yang diperlukan. Oleh itu, bab ini membincangkan berkenaan hasil kajian yang diperoleh daripada analisis data temu bual. Hasil kajian ini merangkumi analisis terhadap pemenuhan *Maqasid Syariah* dalam penggunaan logo zakat oleh institusi zakat di Malaysia di bahagian 4.2 dengan pembentukan cadangan kerangka *Maqasid Syariah* dalam penggunaan logo zakat yang sesuai dan dapat diaplikasikan oleh institusi zakat bagi mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan di Malaysia. Selain itu, bab ini juga akan menjelaskan kepentingan logo zakat dalam mencapai maqasid zakat serta impak penggunaan logo zakat berasaskan kerangka *Maqasid Syariah*.

#### 4.2 Penggunaan Logo Zakat Menurut Kerangka *Maqasid Syariah*

Pertimbangan penting bagi penetapan segala hukum dan tindakan di dalam Islam adalah dengan mempertimbangkan *maqasid al-syariah* sebagai dasarnya. Asas pengenalan penggunaan logo zakat kepada syarikat korporat perlu berada di dalam ruang lingkup doktrin *Maqasid Syariah* iaitu masalah atau kebaikan dan kesejahteraan umat manusia baik di dunia mahupun di akhirat. Menurut Al-Syatibi, beliau meletakkan posisi masalah sebagai *illat* hukum atau alasan pensyariatan hukum Islam. Ianya berbeza dengan ahli usul fiqh lainnya seperti an-Nabhani, misalnya dengan berhati-hati menekankan berulang-ulang, bahawa *maslahat* itu bukanlah *illat* atau motif (*al-ba'its*) penetapan syariat, melainkan hikmah, hasil (*natijah*), tujuan (*ghayah*), atau akibat (*aqibah*) dari penetapan syariat (Al-Qardhawi, 2000).

Hasil kajian temu bual pengkaji bersama PK telah mencadangkan cadangan penggunaan logo zakat menurut kerangka *Maqasid Syariah* yang boleh dijadikan rujukan dan aplikasi kepada institusi zakat di seluruh Malaysia seperti di gambar **Rajah 4.1** berikut.



**Rajah 4.1:** Penggunaan Logo Zakat Menurut Kerangka *Maqasid Syariah*

Berdasarkan **Rajah 4.1**, penggunaan logo zakat dikeluarkan oleh pihak institusi zakat yang telah memperkenalkan logo zakat mengikut negeri masing-masing. Di Malaysia, setakat kajian yang dijalankan pengkaji, hanya pihak LZNK dan PPZ-MAIWP sahaja yang memperkenalkan penggunaan logo zakat. Justeru, bagi negeri ini, mana-mana syarikat korporat yang ingin mendapatkan logo zakat dan ingin menggunakannya di produk atau servis mereka, haruslah mendapatkannya secara terus di institusi zakat mengikut negeri masing-masing serta melepasi syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan seperti pengisian borang permohonan dan lain-lain (PK1, 2022). Penggunaan logo zakat hanya diamalkan kepada pembayar zakat dalam kalangan syarikat korporat. Hal ini kerana syarikat korporat merupakan pembayar zakat tertinggi selepas zakat pendapatan (PK1, 2022). Dengan itu, terdapat ruang dan peluang untuk mengoptimumkan lagi kutipan zakat perniagaan bagi melestarikan lagi kutipan zakat secara keseluruhannya melalui penggunaan logo zakat sebagai tanda penghargaan daripada pihak institusi zakat (PK2, 2022). Meskipun begitu, sebarang inisiatif bagi melonjakkan kutipan zakat perniagaan haruslah mengikut prinsip asas *Maqasid Syariah* seperti *Maqasid al-Dharuriyat*, *al-Hajiyat* dan *al-Tahsiniyyat*. Perincian lanjut berkenaan penggunaan logo zakat menurut Kerangka *Maqasid Syariah* adalah seperti di perbincangan 4.2.1.

#### **4.2.1 Konsep Penggunaan Logo Zakat dan Hubungkait dengan *Maqasid Syariah***

Penggunaan logo zakat dilihat berada di dalam lingkungan memberikan masalah bukan sahaja kepada masyarakat awam, namun fokus utamanya adalah kepada asnaf, muzakki dan institusi zakat atau MAIN (Afaf Sukari, 2022). Dengan itu, hal ini jelas menunjukkan *Maqasid Syariah* adalah merupakan satu konsep untuk mengetahui nilai-nilai dan objektif syara' yang tersurat dan tersirat dalam Al-Qur'an

dan Hadis, dan yang telah ditetapkan oleh *al-syari'* terhadap manusia. Sementara, tujuan akhir hukum tersebut adalah satu, iaitu masalah atau kebaikan dan kesejahteraan umat manusia baik di dunia (dengan muamalah) mahupun di akhirat (dengan akidah dan ibadah) (Hasbollah Mat Saad et al., 2021). Namun begitu, terdapat kaedah bagi mencapai kemaslahatan tersebut antaranya adalah manusia haruslah memenuhi keperluan prinsip *Maqasid Syariah* iaitu *al-Dharuriyat* (keperluan asas), *al-Hajiyat* (keperluan tambahan), dan *al-Tahsiniyyat* (pelengkap). Ikhtiar pihak LZNK dan PPZ-MAIWP untuk mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan melalui penggunaan logo zakat kepada syarikat korporat perlu dilihat dari perspektif *Maqasid Syariah* agar usaha ini bertepatan dengan prinsip *Maqasid Syariah* (tujuan) itu sendiri. Berikut dinyatakan implikasi penggunaan logo zakat yang diberikan oleh institusi zakat kepada syarikat korporat menurut kerangka *Maqasid Syariah*:

#### **4.2.2 Implikasi Penggunaan Logo Zakat Menurut Kerangka *Maqasid Syariah***

Dapatan daripada temu bual pengkaji bersama PK3, PK4 dan PK5 bagi mengkaji penggunaan logo zakat menurut *Maqasid Syariah* telah dianalisis. Berdasarkan maklum balas PK3 dan PK4 (2022), penggunaan logo zakat seperti yang diamalkan oleh pihak LZNK dan PPZ-MAIWP boleh dibahagikan kepada tiga peringkat bagi mencapai *Maqasid Syariah* yang berbeza iaitu *al-Dharuriyat*, *al-Hajiyat*, dan *al-Tahsiniyat* sepertimana digambarkan di dalam **Rajah 4.1**. Berikut dinyatakan secara terperinci implikasi penggunaan logo zakat menurut aspek *al-Dharuriyat*, *al-Hajiyat*, dan *al-Tahsiniyat*:

#### 4.2.2.1 Implikasi Penggunaan Logo Zakat Dari Aspek *al-Dharuriyat*

Pertama, di peringkat *al-Dharuriyat*, penggunaan logo zakat diperlukan sekiranya pembayar zakat dari kalangan syarikat korporat tidak melaksanakan tanggungjawab membayar zakat perniagaan (PK3 dan PK4, 2022). Selain itu, kesan pengenalan penggunaan logo zakat juga menyebabkan pihak-pihak yang tidak membayar zakat sedar akan tanggungjawab menunaikan pembayaran zakat (PK3,2022). Maka, penggunaan logo zakat itu mencapai tahap *dharuriyat* kerana sekiranya syarikat korporat tidak membayar zakat, maka pemilik syarikat tersebut telah berdosa akibat pelanggaran kepada peraturan dan arahan daripada Allah SWT (PK3, 2022).

Menurut PK3 (2012), *maqasid al-Dharuriyat* merupakan objektif yang mana kehidupan agama dan keduniaan manusia tertegak dengannya. Jika sekiranya ia tidak ada nescaya hidup manusia di dunia ini akan menghadapi kesukaran baik di dunia mahupun akhirat. Setiap hukum yang diperintahkan oleh Allah mempunyai tujuan manakala hukum yang tidak mempunyai tujuan sama hal nya dengan *taklif ma la yutaq* (membebankan sesuatu yang tidak dapat dilaksanakan). Oleh kerana itu, bagi mewujudkan kemaslahatan dunia dan akhirat itulah, tujuan hukum Islam menjadi lima, yang harus bahkan wajib dipelihara untuk melestarikan dan menjamin terwujudnya kemaslahatan. *Maqasid al-Khamsah* yang dimaksudkan adalah dengan memelihara agama (*hifzu din*), jiwa (*hifzu nafs*), akal (*hifzu 'aql*), keturunan (*hifzu nasl*) dan harta (*hifzu mal*). Setiap urusan agama dibina atas perkara-perkara ini dan hanya memeliharanya sahajalah maka segala urusan individu dan masyarakat akan berjalan dengan baik. Berikut dijelaskan dengan lebih mendalam berkaitan penggunaan logo zakat dalam menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta:

**a) Penggunaan Logo Zakat dalam Menjaga Agama (*hifzu din*)**

Perkaitan antara penggunaan logo zakat dalam mencapai *Maqasid Syariah* dari persepsi menjaga agama (*hifzu din*) adalah kemampuan untuk mendidik umat Islam agar patuh kepada kewajipan agama khususnya berkenaan pembayaran zakat perniagaan dengan menggunakan kaedah yang terkini dan inklusif (PK3 dan PK4, 2022). Hasil analisis data temu bual PK3, PK4 dan PK5 juga menunjukkan pemeliharaan agama dalam konteks penggunaan logo zakat boleh dikaitkan dengan rukun Islam yang padanya terkandung kewajipan umat Islam menunaikan tanggungjawab membayar zakat. Keislaman setiap individu Muslim itu tidak menjadi sah melainkan pelaksanaan pembayaran zakat telah dibuat bersama-sama rukun Islam yang lain seperti syahadah, solat, puasa dan haji. Hal ini kerana ianya berkait dengan agama dan keimanan individu tersebut. Sekiranya syarikat korporat masih tidak membayar zakat meskipun pelbagai kaedah dan promosi telah dijalankan oleh pihak institusi zakat, maka yang bermasalah adalah dari sudut agama dan keimanan pemilik syarikat korporat tersebut.

Selain itu, pencapaian penggunaan logo zakat bagi aspek menjaga agama (*hifzu din*) juga membawa kepada kemaslahatan yang amat besar kepada perkembangan dari sudut agama, dan sosial di Malaysia. Ini disebabkan penggunaan logo zakat yang diamalkan oleh pihak LZNK berjaya mengajak pemilik syarikat korporat untuk menunaikan tanggungjawab membayar zakat apabila mereka mengetahui kebaikan atau manfaat yang bakal diperolehi sekiranya logo zakat itu sendiri ditayangkan atau dipaparkan di premis syarikat atau di produk-produk milik mereka. Oleh kerana syarat utama mendapatkan logo zakat ini adalah dengan menjadi pembayar zakat, justeru syarikat yang belum layak akan berusaha untuk meningkatkan keuntungan syarikat bagi melayakkan mereka menjadi pembayar zakat selain layak untuk memohon mendapatkan pengiktirafan logo zakat bagi syarikat mereka (PK3 et al., 2022).

Menurut PK7 (2022) selaku pengurus di salah satu syarikat korporat di Kedah, beliau menyatakan permohonan logo zakat yang dibuat oleh syarikat mereka bukanlah hanya untuk mendatangkan keuntungan, namun sebagai tanda pemberitahuan kepada pengguna bahawa mereka boleh untuk memilih produk halal milik syarikat Muslim atau produk halal namun dimiliki oleh syarikat non-Muslim. Sebagai Muslim, sudah tentu pemilihan diutamakan kepada syarikat yang melaksanakan perniagaan secara islamik. Justeru, melalui logo zakat mampu memberikan keyakinan kepada pengguna bahawa syarikat yang mempunyai logo zakat atau muzakki ini adalah yang memegang logo halal Muslim. Kenyataan ini juga turut disokong oleh PK6, PK8, dan PK9 (2022) bahawa keyakinan pengguna terhadap produk atau servis yang ditawarkan mereka semakin meningkat selain menggalakkan usahawan Muslim menunaikan tanggungjawab membayar zakat perniagaan.

Tanpa dakwah dan dorongan yang ditunjukkan oleh pihak berautoriti dalam menggalakkan pembayaran zakat perniagaan mungkin sasaran kutipan zakat tersebut sukar dicapai. Hasil temu bual bersama pengarah eksekutif LZNK (2020) mengesahkan bahawa kesan daripada pengenalan penggunaan logo zakat di Kedah telah banyak membuka mata pemilik syarikat korporat untuk memohon logo zakat di institusi mereka sebagai pengiktirafan sebagai pembayar zakat dan menggalakkan syarikat lain meningkatkan jualan bagi melayakkan mereka turut sama bergelar sebagai pembayar zakat. Bukan itu sahaja, kutipan zakat perniagaan oleh LZNK juga semakin meningkat kepada RM 221,000,000.00 pada tahun 2022 berbanding tahun-tahun sebelumnya sebanyak RM 198,000,000.00 pada tahun 2021 dan RM 179,000,000.00 pada tahun 2020 (PK1, 2022). Jelas menunjukkan melalui penggunaan logo zakat dapat melahirkan Muslim yang patuh kepada agama di samping tidak mengenyahkan keuntungan syarikat.

Justeru, penggunaan logo zakat ini mampu menggalakkan pemilik syarikat korporat

yang enggan membayar zakat agar patuh kepada tuntutan agama dengan pembayaran zakat perniagaan.

**b) Penggunaan Logo Zakat dalam Menjaga Nyawa (*Hifzu al-Nafs*)**

Syariat Islam melindungi nyawa manusia dan menitik beratkan hak-hak asasinya yang lain. Dalam erti kata lain, di antara perkara yang termasuk dalam kategori melindungi nyawa ini ialah setiap individu berhak untuk hidup di bawah naungan Islam (Ahmad Wifaq, 2012). Pencapaian *Maqasid Syariah* bagi penggunaan logo zakat dari sudut menjaga nyawa (*hifzu nafs*) tercapai apabila kutipan dana zakat yang optimum mampu membantu golongan asnaf mendapatkan hak mereka dari segi bantuan kewangan ataupun material seperti makanan asasi daripada pihak institusi zakat. Hal ini kerana sekiranya golongan asnaf tidak mendapat bantuan selayaknya daripada pihak institusi zakat sehingga tidak mampu untuk membuat sebarang pembelian makanan dan minuman untuk menampung keperluan asasi mereka. Kesan daripada kekurangan makanan dan minuman tersebut boleh menyebabkan kehilangan nyawa asnaf (PK3,2022). Dengan itu, sekiranya penggunaan logo zakat ini mampu memberikan kesan agihan zakat yang optimum dan memenuhi keperluan asasi asnaf, maka penggunaan logo zakat penting digunakan dalam rangka menjaga nyawa (*hifzu Al-Nafs*) asnaf secara insani.

**c) Penggunaan Logo Zakat dalam Menjaga Akal (*Hifzu 'Aql*)**

Elemen ketiga di bawah prinsip *maqasid al-dharuriyat al khams* adalah menjaga akal (*hifz 'aql*). Menurut Ahmad Wifaq (2012), beliau menyatakan syariat Islam amat menekankan terhadap penjagaan akal manusia disebabkan oleh beberapa faktor

antaranya seperti kewujudan taklif ataupun tanggungjawab individu terhadap diri, keluarga dan masyarakatnya. Akal juga dikira sebahagian daripada anggota manusia yang penting dan perlu dijaga selain memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Melihat kepada kesan penggunaan logo zakat yang diaplikasikan di Kedah dan Wilayah Persekutuan dari sudut peningkatan jumlah kutipan dan agihan zakat yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya, jaminan penjagaan akal yang baik diterjemahkan melalui perkembangan ilmu dan intelektual anak-anak asnaf. Kekurangan penyaluran wang dana zakat yang mencukupi akan menyebabkan kegagalan asnaf menghantar anak-anak mereka memasuki persekolahan di institusi-institusi peggajian sepertimana kanak-kanak yang lain kerana ketiadaan wang bagi menampung kos pembelajaran anak-anak (PK3,2022).

**d) Penggunaan Logo Zakat dalam Menjaga Keturunan (*Hifzu Nasil*)**

Selain penekanan syariat Islam terhadap penjagaan agama, nyawa, akal, aspek penjagaan keturunan (*hifz nasl*) turut ditekankan kerana ia menjamin terpeliharanya nyawa dan tubuh badan (Ahmad Wifaq, 2012). Hal ini kerana pertautan atau kaitan di antara hubungan persaudaraan yang disandarkan Islam kepada umatnya menjamin pembentukan keluarga, anggota masyarakat dan seterusnya kepada sebuah negara yang kuat dan bersatu padu. Justeru, dengan adanya penggunaan logo zakat terhadap syarikat korporat, masalah gejala sosial dalam kalangan asnaf seperti merompak, mencuri, membunuh dan lain-lain boleh dikurangkan sekiranya asnaf memperolehi bantuan yang mencukupi. Pembendungan masalah gejala sosial akan menghasilkan keturunan masyarakat asnaf yang baik, berkualiti dan cerdas (PK3 et al, 2022).

**e) Penggunaan Logo Zakat dalam Menjaga Harta (*Hifzu Mal*)**

Hubungan penggunaan logo zakat dengan *Maqasid Syariah* adalah turut berada di dalam rangka mewujudkan penjagaan harta (*hifzu mal*) agar segala keuntungan yang diperolehi diredhai dan diberkati Allah dengan sebab pembayaran zakat dibuat oleh syarikat korporat dan bukan bertujuan untuk mendapatkan dunia semata-mata. Implikasi daripada pengurangan pembayaran zakat oleh syarikat korporat boleh juga menyebabkan penyampaian bantuan kepada asnaf tergugat. Bukan itu sahaja, ianya turut memberikan manfaat yang luar biasa dan bersifat abadi dengan memenuhi keperluan umat khususnya asnaf dan sebagai ibadah yang ikhlas kerana Allah SWT. Kutipan zakat perniagaan yang maksima akan menjaga harta dan hak kedua-dua pihak iaitu pembayar zakat (syarikat korporat) dan penerima zakat serta diyakini mampu untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan masalah sosial, ekonomi dan lain-lain (PK5, 2022).

Hasil kajian bersama PK7 (2022), beliau mengatakan keutamaan syarikat mereka menggunakan logo zakat bukanlah hanya untuk mengejar keuntungan, tetapi memberikan kebajikan kepada pengguna. Apabila tujuan utama adalah kebajikan, keuntungan juga akan dikecapi apabila disandarkan punca rezeki itu adalah daripada Allah SWT. PK6 (2022) turut menyatakan keberkatan perniagaan juga diperolehi sekiranya peniaga Muslim mempunyai niat yang betul serta melaksanakan tanggungjawab membayar zakat perniagaan. Dengan adanya insiatif penggunaan logo zakat kepada syarikat korporat, ianya berjaya menggalakkan usahawan Muslim membayar zakat (PK8 dan PK9, 2022).

#### 4.2.2.2 Implikasi Penggunaan Logo Zakat Dari Aspek *al-Hajiyat*

Adapun dari sudut *al-Maqasid al-Hajiyat*, penggunaan logo zakat diperlukan ketika wujudnya syarikat korporat yang membayar zakat namun masih culas melaksanakannya secara konsisten pada setiap tahun. Namun sekiranya asbab penggunaan logo zakat membuatkan syarikat korporat menjadi rajin membayar zakat perniagaan, maka logo zakat tersebut mencapai tahap *hajiyat* dalam *Maqasid Syariah*. *Al-Maqasid al-Hajiyat* merupakan satu keperluan biasa yang diperlukan manusia. Sekiranya keperluan ini tiada, maka akan timbullah kesusahan dalam hidup individu (Ahmad Wifaq, 2012). ‘Keperluan’ ini menurut maksud syarak terhadap kepentingan manusia hanyalah sekadar keperluan yang boleh menimbulkan kesusahan (*masyaqqah*) jika tidak ada. Tetapi ia bukanlah keperluan hingga ke tahap satu ‘kemestian’ yang boleh membinasakan kehidupan seseorang itu. Justeru, penggunaan logo zakat tidaklah mencapai tahap kefardhuan kepada institusi zakat untuk memperkenalkannya sekiranya pembayar zakat sudah menyempurnakan pembayaran zakat, namun ianya hanyalah sebagai keperluan jika masih ada pihak-pihak yang culas dan memberikan banyak alasan supaya dikecualikan daripada membayar zakat perniagaan (PK4,2022). Terdapat banyak syarikat yang direkodkan oleh pihak institusi zakat yang masih culas membayar zakat seperti di Selangor. Perkara ini perlu dibendung dan diambil tindakan oleh pihak institusi zakat atau MAIN agar kadar mereka yang culas dalam membayar zakat ini dapat dikurangkan bagi mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan pada tahap yang lebih tinggi.

#### 4.2.2.3 Implikasi Penggunaan Logo Zakat Dari Aspek *al-Tahsiniyyat*

Manakala jika dilihat dari sudut kepentingan *Maqasid Syariah* bagi syarikat korporat yang sudah melazimi pembayaran zakat secara konsisten pada setiap tahun

adalah ianya termasuk dalam kategori *al-Maqasid al-Tahsiniyat*. *Al-Tahsiniyat* ialah merupakan perkara-perkara yang menyempurnakan dan mencantikkan urusan manusia. Ketiadaan perkara-perkara *al-Tahsiniyat* tidak membawa kesukaran dalam hidup manusia seperti mana ketiadaannya perkara-perkara *al-Dharuriyyat* dan *al-Hajiyat*, tetapi keberadaannya akan membawa kepada kehidupan yang lebih sempurna buat manusia (PK3 dan PK4, 2022). Begitu juga dengan konsep penggunaan logo zakat bagi golongan yang patuh terhadap pembayaran zakat perniagaan, sifat logo zakat itu bukanlah suatu keperluan untuk mengajak mereka membayar zakat, namun ianya sebagai langkah menguatkan dan menyempurnakan dalam konteks memberikan kelebihan dan kebaikan kepada mereka apabila logo zakat dapat dijadikan sebagai kaedah pengiklanan dan pemasaran bagi produk atau servis yang ditawarkan. Teknik kaedah pemasaran melalui penggunaan logo zakat merupakan kekuatan baharu syarikat korporat itu sendiri dalam meraih keuntungan dalam perniagaan dengan lebih lumayan (PK5, 2022).

#### **4.3 Kepentingan Logo Zakat dalam Mencapai *Maqasid Zakat***

Penggunaan logo zakat kepada syarikat korporat dilihat menepati dan mencapai kesemua prinsip *Maqasid Syariah* bergantung kepada keadaan pembayaran zakat perniagaan dalam kalangan peniaga-peniaga Muslim seperti yang telah dijelaskan pengkaji di perbincangan yang sebelumnya. Zakat berperanan penting bagi mencapai *Maqasid Syariah* khususnya dari aspek *Maqasid al-Dharuriyat* iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Oleh itu, institusi zakat memainkan peranan penting dalam memungut dan mengagihkan zakat dengan betul bagi mencapai *Maqasid Syariah*. Logo zakat merupakan salah satu alat penting untuk memantapkan lagi institusi zakat dan membantu mencapai *Maqasid Syariah* khususnya *Maqasid Zakat*.

Antara kepentingan logo zakat dalam *Maqasid Zakat* adalah boleh dilihat dari sudut keselarasannya dengan kehendak *Maqasid Syariah* itu sendiri melalui peranannya dalam aspek *Maqasid Tarbawiyyah* (penyucian jiwa), *Maqasid Ijtima'iyah* (mewujudkan keseimbangan sosial) dan *Maqasid Iqtisadiyyah* (menggerakkan ekonomi ummah) (PK4 dan PK5, 2022). Hal ini telah digambarkan seperti di dalam **Rajah 4.1**. *Maqasid Tarbawiyyah* iaitu objektif mendidik, yang mana penggunaan logo zakat bertindak sebagai langkah alternatif dalam mendidik dan membina jiwa manusia. Perkara ini bertepatan dengan maksud zakat itu sendiri sebagai medium untuk mensucikan diri dan membersihkan jiwa orang yang berharta dari segala penyakit hati terutama sifat kikir dan bakhil. Hal ini kerana setiap manusia akan mempunyai kecenderungan untuk memiliki harta. Bukan itu sahaja, ianya menunjukkan peranan zakat sebagai medium penyucian jiwa dalam konteks penyucian jiwa muzakki terhadap harta dunia serta sebagai tanda syukur terhadap nikmat Allah SWT (PK4,2022). Dengan berzakat, mereka mengakui bahawa Allah SWT yang memberikan nikmat dan harta serta menyedari bahawa harta yang dimiliki adalah milik Allah SWT yang akan melahirkan sifat syukur serta melatih pemilik syarikat korporat untuk berinfak di jalan Allah. Antara sifat orang yang beriman yang selalu disebutkan oleh Allah ialah agar memberi zakat dengan mengeluarkan harta yang wajib sahaja. Hal ini ada disebut di dalam al-Quran seperti di dalam surah al-Baqarah ayat 3:

﴿الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ﴾

*Maksudnya:* (yaitu) orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat, dan menafkahkan sebahagian rezki yang Kami anugerahkan kepada mereka.


Menurut PK4 (2022) turut menjelaskan kepentingan penggunaan logo zakat juga memberikan kesan terhadap *Maqasid Ijtima'iyah* yang boleh mewujudkan cinta dan kasih terhadap persaudaraan sesama Muslim dan membangun kebersamaan. Ini kerana ketika sesebuah syarikat korporat telah mencukupi haul dan nisab dalam perniagaannya lalu menunaikan zakat kepada asnaf, maka ianya akan memunculkan sifat simpati dan kasih sayang antara pembayar zakat dan asnaf. Pada masa yang sama pelaksanaan zakat akan menghilangkan sifat iri hati, dengki, hasad yang mungkin ada pada pemilik syarikat korporat ketika mereka melihat syarikat-syarikat lain yang lebih maju dalam perniagaan mereka. Manakala orang yang tidak mampu itu akan hilang sifat hasad dan timbul rasa cinta terhadap orang yang memberi mereka zakat dalam membangun sifat kasih sayang sesama ummat Islam di Malaysia (PK3 dan PK4, 2022).

Selain memiliki kepentingan dan hikmah dalam pendidikan dan kehidupan sosial, penggunaan logo zakat juga turut memiliki kepentingan dan hikmah di dalam aspek ekonomi melalui *Maqasid Iqtisadiyyah*. Sebagai contoh, apabila pemilik syarikat korporat membayar zakat, hartanya sedikitpun tidak akan berkurang namun akan meningkat sebagaimana dijanjikan Allah SWT kepada orang Islam. Secara umumnya, wang akan bertambah dengan amalan bersedekah dan Islam membantu manusia dengan harta tanpa menafikan aspek material. Islam juga menitikberatkan keseimbangan antara kerohanian dan kebendaan kerana Allah menjadikan setiap negara mempunyai sumber pendapatan. Justeru, pendekatan *Maqasid Syariah* adalah pendekatan yang terbaik bagi

memastikan kelansungan sebarang inisiatif dan tindakan institusi zakat bagi mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan adalah bertepatan dengan syariat. Pengurusan zakat yang menggunakan pendekatan *Maqasid Syariah* dalam sebarang tindakan bertujuan meningkatkan kutipan zakat diyakini dapat menjamin kepercayaan pembayar zakat dan kepentingan penerima zakat seterusnya menjadikan institusi zakat di Malaysia lebih unggul dan bertaraf antarabangsa (PK3 et al, 2022).

#### 4.4 Impak Penggunaan Logo Zakat Berasaskan Kerangka *Maqasid Syariah*

Penggunaan logo zakat secara umumnya memberi implikasi positif dari pelbagai aspek seperti kepada pembayar zakat (syarikat korporat), penerima zakat (asnaf), institusi zakat, ekonomi dan sosial (**rujuk Rajah 4.2**). Pada bahagian ini, pengkaji akan memperjelaskan impak penggunaan logo zakat tersebut berasaskan kerangka *Maqasid Syariah*.



**Rajah 4.2:** Impak Penggunaan Logo Zakat Berasaskan Kerangka

*Maqasid Syariah*

#### **4.4.1 Impak Penggunaan Logo Zakat (Syarikat Korporat) Berasaskan Kerangka *Maqasid Syariah* Kepada Pembayar Zakat**

Penggunaan logo zakat memberikan implikasi serta impak yang sangat besar kepada pembayar zakat. Pembayar zakat dalam konteks ini adalah syarikat korporat yang menguruskan perniagaan. Antara kesan penggunaan logo zakat kepada mereka ialah; hasil pendapatan syarikat yang menggunakan logo zakat semakin meningkat (PK5, 2022). Hal ini kerana, masyarakat Muslim di Malaysia akan menyokong barangan atau produk yang telah dikeluarkan dari syarikat yang mengguna pakai logo zakat perniagaan. Ini kerana, penggunaan logo tersebut memainkan peranan yang besar untuk meyakinkan pengguna bahawa sumber yang digunakan dan pastinya dipercayai halal (PK5, 2022).

Ini juga adalah selaras dengan prinsip *Maqasid Syariah* iaitu memelihara harta (*hifzu mal*). Penggunaan logo zakat secara tidak langsung akan lebih meyakinkan pengguna atau pembeli untuk membeli produk yang telah dikeluarkan oleh syarikat yang mempunyai logo zakat dan secara tidak langsung, pengguna akan lebih yakin untuk membeli barangan dari syarikat yang mempunyai logo zakat kerana keyakinan yang tinggi kepada syarikat tersebut seperti isu halal dan haram produk serta keaslian produk yang telah dikeluarkan (PK4, 2022).

#### **4.4.2 Impak Penggunaan Logo Zakat Berasaskan Kerangka *Maqasid Syariah* Kepada Penerima Zakat**

Penggunaan logo zakat juga turut memberi impak yang positif kepada penerima zakat. Pertama, pengeluaran zakat akan meringankan beban kepada penerima zakat.

Sekiranya lebih ramai syarikat yang menggunakan logo zakat, pengeluaran zakat tahunan akan menjadi lebih tinggi dan secara tidak langsung, mampu membantu lebih ramai masyarakat Islam yang memerlukan bantuan. Zakat yang diperoleh tersebut dapat membantu penerima zakat untuk memenuhi keperluan asas harian seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal (Wan Muhammad et al., 2018).

Selain itu, pengeluaran zakat tersebut juga secara tidak langsung akan mewujudkan persefahaman dan kasih sayang antara penerima dan pemberi zakat, serta mewujudkan keamanan dan ketenteraman dalam sesebuah negara. Sekiranya diabaikan, ia akan mengakibatkan ancaman kewujudan jiwa manusia dan secara tidak langsung akan wujudnya permasalahan dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia.

Kenyataan ini selari dengan elemen *Maqasid Syariah* iaitu memelihara nyawa (*hifz nafs*) iaitu manfaat zakat dilihat sangat besar dalam kehidupan seseorang Muslim untuk memenuhi keperluan asas harian seperti makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya (Ayub et al., 2022). Oleh itu, penggunaan logo zakat dilihat sangat signifikan bagi syarikat korporat dan dapat meramaikan serta memahami keperluan penerima zakat.

#### **4.4.3 Impak Penggunaan Logo Zakat Berasaskan Kerangka *Maqasid Syariah* Kepada Institusi Zakat**

Institusi zakat di Malaysia mempunyai peranan yang cukup besar dalam membantu menyelesaikan isu-isu berkaitan pengurusan zakat. Antara peranan institusi zakat adalah seperti menguruskan dan menangani hal-hal berkaitan zakat dan membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat (Abdul Lateff et al., 2014). Penggunaan logo zakat perniagaan dilihat sangat signifikan bagi institusi zakat di Malaysia. Hal ini

terbukti, sekiranya penggunaan logo zakat digunakan secara menyeluruh oleh syarikat korporat di Malaysia, kadar kutipan tahunan yang disasarkan akan tercapai dan dioptimumkan. Ini secara tidak langsung dapat memperluaskan lagi agihan zakat kepada penerima zakat. Selain itu, penggunaan logo zakat juga turut memberi impak kepada para ahli syarikat apabila ia berperanan sebagai medium dakwah melalui penggunaan logo zakat tersebut. Ini secara tidak langsung akan dapat mengajak masyarakat Muslim di Malaysia untuk membayar zakat dengan lebih berkesan. Seterusnya, penggunaan logo zakat juga memudahkan institusi zakat Malaysia dalam mengenalpasti syarikat yang mengeluarkan zakat secara tahunan.

Ini juga selari dengan pendekatan *Maqasid Syariah* iaitu memelihara harta (*hifz mal*) iaitu membantu memperluaskan lagi pemberian zakat kepada asnaf yang layak menerimanya. Seterusnya, dengan penggunaan logo zakat tersebut, ia memberi impak kepada institusi zakat Malaysia untuk menguruskan pengurusan zakat dengan lebih baik pada masa akan datang.

#### **4.4.4 Impak Penggunaan Logo Zakat Berasaskan Kerangka *Maqasid Syariah* Kepada Ekonomi**

Penggunaan logo zakat juga turut menyumbang kepada sektor ekonomi Islam di Malaysia. Ia dilihat berperanan untuk mengajak masyarakat Islam di Malaysia khususnya untuk menyokong barangan yang dikeluarkan oleh syarikat yang menggunakan logo zakat perniagaan. Selain itu, penggunaan logo zakat tersebut juga menggalakkan pembeli untuk membeli dengan syarikat yang menggunakan logo zakat perniagaan dan ia bertepatan dengan kempen 'Buy Muslim First (BMF)'. Hasilnya,

ekonomi umat Islam di Malaysia akan meningkat dan kutipan zakat juga turut semakin meningkat.

Implikasi tersebut dilihat selari dengan prinsip *Maqasid Syariah* iaitu memelihara harta (*hifz mal*) iaitu masyarakat Islam akan menyokong syarikat yang menggunakan logo zakat perniagaan kerana logo tersebut mampu memberi gambaran umum kepada pembeli bahawa produk yang dikeluarkan oleh mereka adalah bertepatan dengan syariat. Hasilnya, ramai masyarakat Muslim akan menyokong keluaran syarikat yang menggunakan logo zakat dan meningkat ekonomi umat Islam.

#### **4.4.5 Impak Penggunaan Logo Zakat Berasaskan Kerangka *Maqasid Syariah* Kepada Sosial**

Penggunaan logo zakat perniagaan juga turut memberi impak kepada sosial. Hal ini dapat dilihat apabila pembayar (syarikat yang menggunakan logo zakat) mengeluarkan zakat dan memberi manfaat kepada penerima zakat. Ini secara tidak langsung akan wujudnya kesejahteraan dalam masyarakat dan lahirlah sikap hormat menghormati antara pemberi dan penerima zakat. Selain itu, penggunaan logo zakat perniagaan juga dapat membantu institusi zakat dalam menguruskan pentadbiran zakat dengan lebih baik dan mampu mengenal pasti pembayar zakat (syarikat yang menggunakan logo zakat) dan penerima zakat.

Hal ini secara tidak langsung mewujudkan kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat Islam dan ia dilihat selari dengan prinsip *Maqasid Syariah* iaitu memelihara diri (*hifz nafs*). Ini kerana, zakat yang diperoleh oleh penerima akan dapat membantu

kehidupan mereka untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik dan membawa kesejahteraan kepada mereka.

Secara keseluruhannya, penggunaan logo zakat memberi impak yang sangat positif khususnya kepada pembayar dan penerima zakat, institusi zakat, ekonomi dan sosial. Ini kerana, ia berperanan untuk menguruskan zakat dengan lebih baik dan menggalakkan masyarakat untuk membayar zakat dengan lebih efektif. Selain itu, pendekatan logo zakat perniagaan juga dilihat selari dengan prinsip *Maqasid Syariah* secara umum manakala khususnya adalah dari sudut memelihara agama, nyawa dan harta. Oleh itu, dengan penghasilan sebuah kerangka berkaitan penggunaan logo zakat dalam mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan di Malaysia diharapkan dapat dijadikan panduan khususnya kepada institusi zakat di Malaysia dalam menguruskan zakat perniagaan dengan lebih baik pada masa akan datang.

#### **4.5 Kesimpulan**

Pendekatan logo zakat dalam mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan secara umumnya bertepatan dengan *Maqasid Syariah* dan sesuai dijadikan asas dan panduan dalam tadbir urus pengurusan zakat di Malaysia. Inisiatif dan amalan ini perlu dilihat secara positif oleh institusi zakat yang lain dalam mentransformasikan pengurusan zakat sedia ada dalam wajah yang baharu kearah kutipan zakat yang maksimum. Berpandukan kepada kerangka tersebut, kita boleh mendapatkan panduan jelas mengenai penggunaan logo zakat berasaskan kerangka *Maqasid Syariah* yang boleh menjadi panduan kepada institusi zakat di negeri lain supaya segala inisiatif bagi melonjakkan kadar kutipan zakat perniagaan terbina di atas landasan *Maqasid Syariah*

dan ruhnya. Komponen penting *Maqasid* ini membuktikan bahawa Islam adalah sistem hidup lengkap, komprehensif, relevan pada bila-bila masa dan sudah tentu boleh dilaksanakan dalam apa jua urusan kehidupan.

